

7 MAR 1996

Mahathir-Mekong

MALAYSIA KAJI PEMBANGUNAN LEMBAH MEKONG

Oleh: Zainoor Sulaiman

HANOI, 7 Mac (Bernama) -- Malaysia akan membuat kajian untuk mengenal pasti projek pembangunan yang dapat dilaksanakan di Lembah Sungai Mekong, kata Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Hasil kajian itu kelak akan dibentangkan kepada negara-negara terlibat -- Vietnam, Kampuchea dan Laos -- serta pihak-pihak lain yang ingin melabur atau menyertai usaha pembangunan Lembah Mekong, katanya kepada wartawan Malaysia selepas perundingan dengan rakan sejawatannya Vo Van Kiet, di sini.

Antara projek yang dapat dimajukan ialah pembangunan sumber air seperti projek pengairan, penjana kuasa elektrik hidro dan pelancongan, kata beliau.

Dr. Mahathir berkata Vietnam menyokong kuat inisiatif dan peranan Malaysia untuk membangunkan Lembah Mekong seperti yang telah diputuskan oleh Persidangan Kemuncak Asean di Bangkok.

Vietnam juga menyokong usaha yang dipertanggungjawabkan oleh Persidangan Kemuncak Asia Eropah (Asem) kepada Malaysia untuk mengadakan kajian projek rangkaian laluan kereta api dari Singapura ke selatan China melalui Hanoi dan seterusnya ke Beijing dan Eropah, katanya. -- LAGI

Perdana Menteri berkata dalam perbincangannya dengan delegasi Vietnam yang diketuai oleh Vo Van Kiet, kedua-dua pihak bersetuju untuk meningkatkan lagi kerjasama dua-hala meliputi pelbagai bidang termasuk ekonomi, kebudayaan, sosial, pelancongan, pendidikan dan keselamatan dan pertahanan.

Dalam bidang ekonomi, Dr. Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan pelaburan dan kemajuan yang dicapai oleh para pelabur Malaysia di Vietnam.

Katanya Malaysia dalam usaha untuk menjadi warga korporat yang baik di Vietnam akan terus mengkaji bidang-bidang baru yang akan diceburinya termasuk sektor perlombongan.

Katanya Vietnam mempunyai logam besi dan bauksit. Mengenai perlombongan besi, pihak Jerman juga sedang membuat kajian untuk menceburi bidang itu.

Beliau menegaskan hasrat Malaysia untuk menghulurkan apa jua bantuan yang mampu olehnya bagi meningkatkan kemakmuran negara-negara jiran di Asia Tenggara bagi menjamin keamanan dan kestabilan rantau ini pada masa hadapan.

Mengenai kerjasama pertahanan dan keselamatan dengan Vietnam, beliau berkata meskipun belum ada kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara, usaha ke arah itu perlu ditingkatkan kerana sebagai negara berjiran mungkin ada pertindihan batas sempadan kawasan-kawasan lautan.

"Kita perlu mengadakan perbincangan supaya sebarang pertikaian dapat diselesaikan secara rundingan.

"Kita perlu juga adakan kerjasama untuk menentukan keselamatan kawasan-kawasan yang berdekatan termasuk kawasan Luat China Selatan," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada latihan bersama kententeraan akan dilaksanakan, beliau berkata latihan seperti itu telah pun dilaksanakan dengan beberapa negara tetapi kerajaan belum bercadang mengadakan latihan bersama itu dengan Vietnam.

Mereka boleh menghantar pegawai tentera mengikuti kursus di Maktab Pertahanan Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia ingin melihat dan mengkaji potensi tempat-tempat yang dapat dimajukan dalam bidang pelancongan khususnya di

kawasan pergunungan seperti di kawasan di Da Lat di selatan Vietnam.

Beliau juga menawarkan kepada Vietnam pengalaman Malaysia dalam projek penghutanan semula di Sabah untuk membantu Vietnam mananam semula hutan khususnya kawasan-kawasan yang rosak akibat "agent orange" semasa perang dahulu.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga menawarkan latihan untuk pegawai-pegawai Vietnam bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan.

Ketika menjawab pertanyaan, beliau berkata universiti dan institusi penganjian tinggi Malaysia boleh menubuhkan cawangan di Vietnam. -- BERNAMA

ZS NMO